

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMASANGAN PAPANTANDA DI TEPI JALANRAYA

(GUIDELINE FOR INSTALLATION SIGNBOARD ON ROADSIDE/DIRECTIONAL SIGNS)

KEPERLUAN KHUSUS

(SPECIFIC REQUIREMENTS)

1. Surat kebenaran atau komen atau ulasan daripada pemilik atau pihak yang bertanggungjawab keatas penggunaan kawasan tapak, tanah atau bangunan di mana struktur papantanda tersebut hendak dipasang terutama daripada pihak jabatan Kerja Raya;
2. Pelan lokasi berdasarkan pelan ukur metrik berskala 1:2500 yang menunjukkan cadangan tapak pembinaan struktur papantanda tersebut;
3. Pelan tapak yang dilukis menggunakan skala yang sesuai dengan menyatakan ukuran jarak setiap sudut struktur papantanda tersebut dengan struktur lain yang berdekatan seperti parit, tepi jalan raya kabel telefon, pencawang elektrik dan sebagainya;
4. Ketinggian minima huruf tidak kurang dari 150 milimeter;
5. Perkataan pada visual iklan hendaklah pendek dan ringkas;
6. Jarak struktur papantanda yang selari atau berdekatan dengan tepi jalan raya yang lurus mestilah tidak kurang dari tiga meter (3m) dan yang berdekatan dengan selekoh jalan jaraknya tidak kurang dari enam meter (6m).
7. Stricter papantanda tersebut mestilah tidak menghalang atau menjejaskan penggunaan kemudahan-kemudahan awam, tempat pejalan kaki dan pandangan para pemandu; dan
8. Ketinggian struktur papantanda mestilah mempunyai jarak minima dua meter (2m) dari aras permukaan bawah;
9. Sebarang lesen yang dikeluarkan boleh diperbaharui dari tahun ke tahun tetapi boleh ditamatkan/dibatalkan pada bila-bila masa oleh pihak Dewan Bandaraya tanpa memberitahu sebarang alasan. Walau bagaimanapun, sebelum pembatalan lesen tersebut dikuatkuasakan pihak Dewan Bandaraya akan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada pemilik lesen tersebut bagi memberitahu maksud tersebut.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Pengiklanan
Bahagian Penilaian
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
SABAH**

Tel No:088-235900 Sambungan 662